Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Za'ba dianugerah Tokoh Akademia Negara Sepanjang Zaman

Oleh Rosman Shamsudin - Oktober 5, 2024 @ 2:55pm
bhnews@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (empat, kanan) menyampaikan Geran Penerbitan Anugerah Akademia sepanjang zaman kepada pewaris Za'ba, Dr Sharzede Salleh Askor (dua, kanan) pada Majlis Syarahan Za'ba (Seabad Pemikir Kemiskinan) dan Hari Akademia Negara di UPSI, Tanjung Malim, hari ini. Turut hadir Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad (dua, kiri), Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir (kiri) dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Chang Lih Kang (kanan). - Foto BERNAMA

TANJUNG MALIM: Tokoh Pemikir Kemiskinan, Allahyarham Tan Sri Zainal Abidin Ahmad atau dikenali Za'ba menerima Tokoh Akademia Negara Sepanjang Zaman di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di sini, hari ini.

Ia disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena Majlis Syarahan Za'ba dan Sambutan Hari Akademia Negara 2024 di Dewan Tuanku Canselor.

Anugerah berkenaan yang turut disertakan geran penerbitan sebanyak RM 100,000, diterima oleh pewaris Za'ba, Dr Sharzede Salleh Askor.

Majlis turut disaksikan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang dan Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff.

Za'ba adalah pendahulu intelektual watan yang menguasai serba bidang termasuk bahasa, pendidikan, ekonomi, sosial, reformis agama dan budaya.

Beliau juga adalah tokoh inklusif yang diterima oleh semua kaum dan masyarakat di negara ini disamping menjadi tokoh pengarang profilik dan intektual ulung Melayu dalam pembinaan kemajuan pemikiran bangsa.

Antara karya yg dihasilkan Allahyarham adalah Pelita Bahasa Melayu, Ilmu Mengarang Melayu dan Daftar Ejaan Melayu Jawi atau Rumi.

Beliau pernah dikurniakan beberapa anugerah seperti Doktor Persuratan dari Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Malah, sumbangan beliau diterima secara meluas sepanjang zaman. Sebagai contoh, kerajaan Negeri Sembilan mewujudkan Teratak Za'ba yang bersifat muzium tokoh dan Yayasan Pendeta Za'ba pada 1986 bagi mengabdikan sumbangan Za'ba dalam tradisi keilmuan.

Ketika ditemui selepas itu, Dr Sharzede yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) melahirkan rasa terharu dengan pengiktirafan yang diterima Za'ba itu.

Katanya, sebagai pewaris beliau mengakui turut berasa gembira kerana pemikiran yang dibawa oleh Allahyarhamah masih lagi dihargai dan dikenang serta digunakan sehingga hari ini.

"Saya ingin melihat pemikiran yang dibawa oleh Allahyarham mengenai orang Melayu berfikir, bertukar dengan cara yang betul dan diaplikasikan oleh generasi masa kini," katanya.

Dr Sharzede berkata Za'ba meninggal ketika dia berumur 12 tahun dan mengakui beliau sendiri mewarisi dan menterjemahkan serta mengaplikasikan pemikiran Allahyarham dalam kerjaya pelancongan.

"Kalau saya berkerja, saya tidak akan buat apa yang orang lain sudah buat, sebaliknya saya akan buat apa yang orang belum buat. Kita juga perlu berani dan percaya pada diri dengan apa yang kita buat," katanya.